



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri – negeri Melayu
Bersekutu (Pindaan) 1988**

DR.13/1988

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Enakmen Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu (Pindaan) 1988.

Tajuk
ringkas.

2. (1) Pertubuhan yang diperbadankan yang ditubuhkan menurut peruntukan-peruntukan Enakmen Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, yang disebut "Enakmen" dalam Akta ini dan dikenali dengan nama "States of Malaya Chamber of Mines" hendaklah dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini dikenali dengan nama "Malaysian Chamber of Mines" dan hendaklah terus kekal turun temurun dan mempunyai kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan yang diberi dan dikenakan ke atasnya oleh seksyen 2 Enakmen.

Pertukaran
nama.
N.M.B.
Bab 104.

(2) Pertukaran nama yang diperuntukkan oleh subseksyen (1) tidaklah menyentuh apa-apa hak atau obligasi Dewan atau menyebabkan tercacatnya apa-apa prosiding undang-undang oleh atau terhadapnya dan apa-apa prosiding undang-undang yang boleh diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadapnya sebelum mula berkuatkuasanya Akta ini bolehlah diteruskan atau dimulakan atas namanya yang baru.

Pindaan
seksyen 4.

3. Perenggan (b) seksyen 4 Enakmen adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "the States of Malaya" di mana jua terdapat dengan perkataan "Malaysia".

Pindaan
seksyen 5.

4. Subseksyen (ii) seksyen 5 Enakmen adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas saja perkataan-perkataan "may be" dalam baris 1, perkataan-perkataan "placed on fixed deposit with any licensed commercial bank or finance company in Malaysia or"; dan

(b) dengan memasukkan noktah selepas saja perkataan "hereof" dan memotong perkataan-perkataan yang terdapat selepas itu.

Pindaan
seksyen 15.

5. Seksyen 15 Enakmen adalah dipinda dengan memotong perkataan-perkataan "Federated Malay States" yang terdapat di dalamnya.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk membuat pindaan-pindaan yang tertentu kepada Enakmen Pemerbadanan Dewan Perlombongan Negeri-negeri Melayu Bersekutu.

2. *Fasal 2* bertujuan menukar nama perbadanan daripada "States of Malaya Chamber of Mines" kepada "Malaysian Chamber of Mines" dan bagi memperuntukkan perkara-perkara yang berbangkit darinya. Pertukaran tersebut membolehkan orang-orang atau mana-mana Dewan Perlombongan atau pertubuhan-pertubuhan yang serupa yang ditubuhkan di Sabah

PEMERBADANAN DEWAN PERLOMBONGAN NEGERI- 3
NEGERI MELAYU BERSEKUTU (PINDAAN)

dan di Sarawak menjadi layak untuk menjadi anggota-anggota Dewan dan dengan yang demikian menjadikan Dewan tersebut wakil bagi seluruh Malaysia.

3. Pindaan-pindaan yang dicadangkan dalam *fasal 3* adalah pindaan-pindaan berbangkit.

4. *Fasal 4* bertujuan menghapuskan kesan penjajahan yang ketara dan bagi membenarkan kumpulan wang Dewan dilaburkan di dalam bank-bank atau institusi-institusi kewangan di Malaysia.

5. *Fasal 5* bertujuan meletakkan skop bidangkuasa Menteri pada perspektifnya yang betul.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1367.]